

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), menyentuh isu 1.5 juta orang pekerja asing Bangladesh yang dibangkitkan oleh YB, Kerajaan ingin menegaskan bahawa angka ini bukanlah merupakan angka yang mutlak. Jumlah 1.5 juta orang pekerja asing yang sering disebut ini merujuk kepada jumlah warganegara Bangladesh yang berdaftar dengan pihak kerajaan mereka untuk bekerja di luar negara mereka dan tidak semestinya untuk ke negara ini. Jumlah sebenar kemasukan pekerja Bangladesh akan bergantung kepada keperluan sebenar majikan semasa permohonan dibuat dan akan dinilai berdasarkan kelayakan serta kemampuan setiap majikan untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti memberi keutamaan pekerjaan kepada rakyat tempatan terlebih dahulu.

Malahan, Kerajaan juga sangat berhati-hati dalam perkara ini agar peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan tidak terjejas dan sentiasa dilindungi. Penetapan ini bukan sahaja dikenakan kepada negara Bangladesh tetapi kepada semua negara sumber yang dibenarkan.

Pekerja asing tanpa izin (PATI) yang sedia ada tidak boleh dimanfaatkan untuk memenuhi keperluan buruh Negara. PATI tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan tidak ada

pengesahan rekod asal usul. Sehubungan itu, PATI tidak dapat dipertimbangkan untuk diberi kebenaran bekerja kerana akan menimbulkan risiko keselamatan kepada Negara. Walaubagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji untuk melaksanakan projek perintis bagi membenarkan pelarian Rohingya untuk bekerja. Projek perintis ini akan dilaksanakan dalam skala yang kecil dan dikawal selia dengan ketat oleh Kerajaan.

Sementara itu, kumpulan migran Syria yang telah menyertai Program Penempatan Sementara migran Syria, telah diberikan kebenaran untuk bekerja tertakluk kepada kelayakan masing-masing dan peluang pekerjaan yang ada. Namun begitu, mengikut jangkaan yang dibuat berdasarkan daripada komitmen Negara untuk membantu 3,000 Migran Syria ini, hanya satu perempat sahaja daripada kalangan mereka yang dijangka akan memasuki pasaran kerja berdasarkan daripada latar belakang mereka manakala yang selebihnya adalah terdiri daripada orang tua, kanak-kanak dan wanita suri rumah.

Bagi menjawab perkara (b), raja dadah merupakan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah. Mereka tidak mengendalikan dadah tetapi sebaliknya menggunakan ahli sindiket atau keldai dadah bagi mengelak dikesan oleh pihak berkuasa. Oleh itu, mereka ini sukar ditangkap dalam operasi yang dijalankan.

Berikut adalah tangkapan raja dadah bagi tahun 2013 sehingga 2016 (Jan-Ogos):

TAHUN	TANGKAPAN RAJA DADAH
2013	33
2014	24
2015	22
2016 (JAN-OGOS)	10

Selain menangkap dan menuduh ahli sindiket di mahkamah, PDRM turut mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 ke atas individu yang menjadi dalang dalam kegiatan pengedaran dadah.

Berikut adalah tindakan di bawah ADB (LLPK) 1985 bagi tahun 2013 sehingga 2016 (Jan-Ogos):

PERKARA	2013	2014	2015	2017 (JAN- OGOS)
TANGKAPAN SEK. 3(1)	869	948	854	732
TAHANAN SEK. 6(1)	682	951	744	457
SEKATAN SEK. 6(3)	170	78	69	39

Bagi menangani kegiatan pengedaran dadah, Kementerian melalui PDRM telah melaksanakan tindakan berdasarkan strategi seperti berikut:

- a) Memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama.
- b) Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin* serta sindiket pengedaran dadah berskala besar.
- c) Mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan sempadan melalui Unit Risikan Sempadan di Jitra, Kedah serta dua lagi unit yang baru ditubuhkan di Rantau Panjang, Kelantan dan Pengkalan Hulu, Perak.
- d) Memperkasakan penguatkuasaan dan pemantauan di sempadan dengan menempatkan Unit Teknikal Imbasan Kenderaan (UTIK).
- e) Mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas *drug kingpin* dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah.

f) Melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.